

# Golongan yang cuba sabotaj sentiasa ada

# DEB: Pemuda akan sentiasa mengawasi

KOTA BARU, Sabtu — Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia akan sentiasa mengawasi pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) bagi mengelakkan dari disabotaj oleh golongan-golongan jahat terutama komunis.

Ketua Pergerakan itu merangkap Timbalan Menteri Pelajaran, Datuk Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin, berkata Pemuda UMNO tidak akan lalai mengawasi ini kerana golongan yang cuba mensabotaj DEB sentiasa ada.

Bellau menyebut demikian ketika ditemui oleh para pemberita selepas merasmikan penubuhan Majlis Guru Besar Sekolah Rendah Kelantan, di Dewan Maktab Perguruan Kota Baru, di Pengkalen Chepa.

Datuk Haji Suhaimi menegaskan, jawatankuasa ekonomi dan kewangan pergerakan itu yang dipengerusikan oleh Datuk Haji bin Tun Razak, berperanan penting dalam tugas-tugas pengawasan tersebut.

"Kita tidak mahu usaha menggagalkan DEB sentiasa ada, tetapi tidak dapat memastikan sama ada dilakukan oleh sesuatu pertubuhan tertentu. Yang pasti, komunis memang berusaha kearah itu," ujarnya.

Katanya, "Komunis memang tidak mahu DEB berjaya kerana ini boleh membawa kepada perpaduan rakyat dan kestabilan ekonomi negara."

Mengenai syor Setiausaha Agung Kesatuan Kebangsaan Profesion Guru-guru (NUTP), Encik Pan Lee Leng, supaya Kerajaan menerbitkan sendiri buku-buku teks sekolah bagi mengurangkan kenaikan harga, Timbalan Menteri Pelajaran itu berkata, "Langkah ini

Oleh  
**NORDIN MOHAMAD**

□ **Kita tidak mahu usaha menggagalkan DEB sentiasa ada, tetapi tidak dapat memastikan sama ada dilakukan oleh sesuatu pertubuhan tertentu. Yang pasti, komunis memang berusaha ke arah itu.** □

belum dapat memastikan harga buku-buku tersebut akan turun."

"Soal siapa menerbitnya tidak menjadi masalah. Pokoknya, cara buku-buku teks ini diperolehi oleh golongan berpendapatan rendah."

Datuk Haji Suhaimi menjelaskan, kenaikan harga ke atas buku-buku teks itu tidak dapat dielakkan lagi dan Kerajaan tetap akan meneruskan pemberian bantuan buku teks per-



■ DATUK HJ. SUHAIMI

■ ENCIK ADIB

cuma kepada murid-murid sekolah.

Ketua Pemuda UMNO itu mengalu-alukan langkah Ketua Menteri Melaka, Encik Adib Haji Adam, menubuhkan sebuah jawatankuasa menyalat perisik kuasa asing dalam Dewan Undangan Negeri Melaka.

Katanya, langkah itu kena pada masa dan tempatnya, malah tidak boleh dibiarkan kerana ia satu hal yang serius.